



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (18 SEPTEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **kekal sebanyak 701 kes.**

#### **A. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Kluster COVID-19 yang masih aktif iaitu Kluster Alam di Bintulu **kekal seramai lapan (8) kes.** Kesemua kes yang di dalam kluster ini juga telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

#### **B. Pengesanan Kes dan Saringan COVID-19**

- i. Pengesanan kontak bagi kes COVID-19 yang telag disahkan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Daerah Belaga sedang giat dijalankan oleh anggota petugas kesihatan Pejabat Kesihatan Bahagian Kapit.

- ii. Persampelan di kalangan Orang Kena Tahan (OKT) dan anggota petugas di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Negeri Sarawak sedang dijalankan untuk mengesan jangkitan dalam kalangan mereka yang berada di DTI. Langkah ini diambil sebagai langkah tambahan terhadap aktiviti pengambilan sampel dari Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang ditahan oleh pihak Imigresen, Polis atau Tentera sebelum dihantar ke DTI di Sarawak.

Dimaklumkan juga **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini **kekal seramai 680** orang atau **97.00%**.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital ialah dua (2) orang iaitu masing-masing satu kes di wad pengasingan di Hospital Sibu dan Hospital Sungai Buloh, Selangor. **TIADA (0)** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. Dimaklumkan juga terdapat satu (1) kes yang dilaporkan di Sandakan, Sabah yang sedang menerima rawatan di Hospital Bintulu.

Jumlah kematian **kekal 19 orang atau 2.71%**. Hari ini sebanyak **14 PUI** baru dilaporkan dan **satu (1) PUI** masih menunggu ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Tatacara Kemasukan Ke Sarawak**

- i. Bagi semua warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang datang dari/melalui Sabah yang ingin datang ke Sarawak, mereka perlu mengisi secara Online "*EnterSarawak*" dengan menyertai dokumen sokongan yang diperlukan dan membuat ujian COVID-19 (rT-PCR test) 3 hari sebelum perjalanan. Arahan ini berkuatkuasa mulai Isnin 21 September 2020
- ii. Bagi rakyat Malaysia yang menggunakan penerbangan dari Pulau Pinang, mereka akan di ambil Ujian COVID-19 secara rawak setiba di Lapangan Terbang Kuching.
- iii. Bagi rakyat Sarawak yang pulang dari Luar Negara, mereka akan di kuarantin di "*First Point of Entry*" di Sarawak dan mereka tidak dibenarkan untuk transit ke destinasi terakhir.
- iv. Bagi rakyat Sarawak yang perlu berulang alik ke Brunei dan Sabah untuk tujuan kerja, mereka perlu mengambil surat khas dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian masing masing (Miri dan Limbang). Mereka juga dikehendaki mengambil ujian Covid-19 tiap tiap 2 minggu di samping sentiasa mengamal SOP yang telah disediakan oleh KKM.

- v. Bagi Pekerja sektor Minyak dan Gas yang perlu pergi ke Plantar Minyak dan telah berada di Sarawak selama 30 hari, tidak perlu untuk mengambil Ujian Covid-19. Walau bagaimana pun bagi Pekerja dari luar Sarawak, mereka perlu mengambil Ujian Covid-19 dan mematuhi SOP yang sedia ada.
  
- vi. Bagi pekerja asing di dalam Sektor Pembinaan, Peladangan dan Pelajar Asing dibenarkan masuk ke Sarawak dengan syarat syarat berikut:
  - a. Mempunyai Permit kerja atau Pengajian yang masih sah
  - b. Perlu memohon kepada JPBNS (*case by case*) dan isi "EnterSarawak" secara online.
  - c. Kos kuarantin selama 14 hari dan Ujian Covid-19 sebanyak 2 kali di biyai oleh Syarikat /Pelajar/Institusi berkenaan.
  - d. Syarikat / Institusi perlu menyediakan pengangkutan untuk membawa pekerja dari Pintu Masuk (*point of Entry* ke Pusat Kurantin).

## **B. Garis Panduan (SOP) Untuk Beberapa Sektor**

- i. SPA bayi – Dibenarkan beroperasi dengan menerima pakai SOP yang telah disediakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH).
- ii. Lumba Kuda – Dibenarkan beroperasi dengan menerima pakai SOP yang telah disediakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH).
- iii. Pembukaan Pusat Rekreasi dan Sukan di bawah Majlis Perbandaran Kuching Selatan - Dibenarkan beroperasi dengan menerima pakai SOP yang telah disediakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH).

## **3. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **3 notis** kompaun di Miri (1), Kota Samarahan (1) dan Sarikei (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan **126 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (37), MD Marudi (27), DBKU (26), SMC (18), MDMJ (7), MD Serian (3), MBKS (3), MB Miri (3), MPKS (1) dan MD Sarikei (1).

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,763 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (227), Restoran (342), Kilang (6), Bank (141), Pejabat Kerajaan (58), Penjaja (50), Pasar Tani/Awam (93), Tempat Ibadah (85), Tempat Riadah (48), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (696).

Seramai **591 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (292), ATM (37), RELA (137), APM (86) dan PBT (39)

#### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,168** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **NASIHAT KEPADA SEMUA**

Terima kasih kepada semua rakyat Sarawak atas kerjasama yang diberikan kepada pihak berkuasa dan telahpun mematuhi SOP yang sedia ada.

Sarawak telahpun diisytiharkan berstatus hijau hari ke-20 hari ini, selepas tiada jangkitan tempatan baharu COVID-19 direkod.

Walaupun kita berstatus hijau, perang ini belum dimenangi, kita tidak harus leka, dan sentiasa ikut SOP yang sedia ada untuk mengekang penularan COVID-19 di Negeri Sarawak.

Pengorbanan segala keselesaan kehidupan yang biasa atau norma dinikmati kita adalah demi keselamatan dan kesejahteraan semua.

Dengan itu, saya ingin menyeru lagi kepada semua, agar **jangan leka dan sentiasa patuhi** kepada arahan pihak berkuasa serta patuhi SOP yang dikenakan, khususnya **penjarakan sosial** dan **pemakaian pelitup muka** terutamanya dikawasan awam yang penuh sesak dan dimana penjarakan sosial tidak dapat dipraktikkan.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**18 SEPTEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	701	Kes sedang dirawat di hospital	2	0.29%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	101,086	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	701	Jumlah kes kematian	19	2.71%
IR per 100,000 penduduk	22.72	Kes telah sembuh dan discaj	680	97.00%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	13	8,941	14	9,643
Menunggu keputusan	1	1		
		<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	0	1	0	0	1	2
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	34	38	32	1
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



DAERAH HIJAU (40)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	10	6,398	0	429	0	416	0	12	1	1	0
2	Bintulu	0	287	0	38	0	38	0	0	0	0	0
3	Serian	0	305	0	24	0	24	0	0	0	0	0
4	Lundu	0	245	0	3	0	3	0	0	0	0	0
5	Bau	0	173	0	6	0	6	0	0	0	0	0
6	Samarahan	2	558	0	112	0	108	0	4	0	0	0
7	Sibu	0	107	0	11	0	10	0	0	1	1	0
8	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
12	Miri	0	833	0	24	0	23	0	1	0	0	0
13	Asajaya	1	42	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	51	0	3	0	2	0	1	0	0	0
15	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Lawas	0	14	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	47	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Kapit	1	33	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	<b>9,643</b>	<b>0</b>	<b>701</b>	<b>0</b>	<b>680</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>14</b>	<b>9,643</b>	<b>0</b>	<b>701</b>	<b>0</b>	<b>680</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>0</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **49** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **642 orang**. Manakala seramai **24,099 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 18.09.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (273)	Hock Lee	25
2		Harbour View	85
3		Riverside (Astana Wing)	163
4	Miri (150)	Eastwood Valley	63
5		Dynasty	87
6	Bintulu (80)	Wasan Inn	28
7		Motel Kapok	29
8		Faber Inn	23
9	Limbang (12)	Purnama	6
10		Mandarin (Lawas)	6
11	Sibu (127)	Premier	127
<b>Jumlah PUS</b>			<b>642</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi di Sibul (3) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,633 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 18.09.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>512</b>
2	Miri	TIADA	302
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>3</b>	<b>160</b>
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	106
7	Limbang	TIADA	77
8	Serian	TIADA	53
9	Betong	TIADA	51
10	Kapit	TIADA	49
11	Mukah	TIADA	47
12	Sri Aman	TIADA	44
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,633</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **42 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 18.09.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibul	10
5	MCC	15
6	MD Marudi	7
7	MD Lawas	2
<b>Jumlah</b>		<b>42</b>